

08 DEC 1997

Mohamed-Kempen

KEMPEN PENERANGAN: TOK MAT JUMPA MEDIA JUMAAT INI

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Kementerian Penerangan akan menggerakkan seluruh jentera penyiaran, penerangan dan media cetak di negara ini bagi membantu memperjelaskan kepada rakyat langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil kerajaan dalam usaha memulihkan ekonomi negara.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat berkata, beliau akan menemui para pegawai tertinggi stesen-stesen penyiaran di negara ini, termasuk stesen swasta, para pegawai penerangan dan tuan punya media cetak Jumaat ini bagi mendapatkan kerjasama mereka menjayakan kempen itu.

"Kita sedang menyusun satu kempen untuk menerangkan kepada orang ramai mengenai langkah-langkah kerajaan ini dan ini akan kita laksanakan dengan serta merta supaya penerangan yang lebih luas dan lebih terperinci dapat kita berikan kepada orang ramai agar lebih memahami masalah negara," katanya.

"Dengan cara itu, kita harapkan rakyat akan memberikan kerjasama mereka," katanya di Lapangan Terbang Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Subang, dekat sini, hari ini, selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas ke Tehran untuk menghadiri sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Mohamed berkata, memandangkan langkah-langkah kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara memerlukan pengorbanan segenap lapisan rakyat, kerajaan berpendapat adalah lebih baik penerangan yang sejelas-jelasnya diberikan kepada mereka.

"Akan ada langkah-langkah yang saya fikir berat juga dan mungkin tidak popular dilaksanakan oleh kerajaan dan ini akan menyentuh kedudukan rakyat jelata. Oleh itu, memberikan penjelasan yang baik kepada mereka adalah penting sekarang supaya rakyat memberikan kerjasama penuh," katanya.

Beliau berkata, penglibatan stesen-stesen penyiaran swasta dan media cetak juga perlu bagi menjayakan kempen itu kerana masalah yang dihadapi negara pada masa ini merupakan isu nasional yang memerlukan pengorbanan menyeluruh daripada semua pihak.

"Saya rasa mereka juga mempunyai tanggungjawab. Jadi saya akan panggil mereka untuk kita sama-sama menjalankan kempen ini," katanya.

Mengenai pemotongan 18 peratus perbelanjaan kerajaan tahun depan seperti yang diumumkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim Jumaat lepas, Mohamed berkata, beliau sudahpun mengarahkan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) supaya mengurangkan pembelian bahan-bahan siaran kepada hanya RM160 juta mulai tahun depan.

Pengurangan pembelian bahan-bahan siaran dari dalam dan luar negara itu akan menjimatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM40 juta setahun, katanya.

Ketika ditanya cadangan kerajaan untuk membeli ruangan iklan dalam media-media antarabangsa bagi mempromosi imej Malaysia di seberang laut, Mohamed berkata, para pegawai tertinggi Kementerian Penerangan dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sedang meneliti cadangan itu.

Beliau berkata, terdapat banyak cadangan dikemukakan kepada kerajaan sejak hasrat itu disuarakan dan ia memerlukan penelitian yang rapi bagi memastikan kos iklan membawa kesan yang sepadan.

Kerajaan bercadang untuk membeli ruangan iklan secara pakej dan pada kos yang munasabah di stesen-stesen penyiaran terkemuka seperti CNN dan majalah seperti Times serta akhbar-akhbar berpengaruh, katanya.

"Sebenarnya banyak negara seluruh dunia menggunakan media utama dunia untuk mempromosi negara mereka dan kesannya saya fikir amat baik. Kalau kita nak pulih imej kita dan timbulkan keyakinan, iklan seperti ini saya fikir penting untuk menyakinkan orang luar kepada negara kita," katanya. --
BERNAMA.

AH PR